

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

SOALAN :

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah Peruntukan Khas Ahli Parlimen untuk setiap Ahli Parlimen dalam tahun 2013, 2014 dan 2015. Senaraikan penggunaan peruntukan tersebut untuk keseluruhan 31 kawasan Parlimen Sarawak.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh 2013 hingga 2015, Kerajaan telah menyediakan jumlah keseluruhan bagi peruntukan khas Ahli Parlimen sebanyak RM124 juta untuk menjalankan pelbagai projek dan program di kesemua 31 kawasan Parlimen di negeri Sarawak. Daripada jumlah peruntukan yang disediakan tersebut, sebanyak RM40.5 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2013 untuk pelaksanaan projek/program di kawasan-kawasan Parlimen berkenaan. Bagi tahun 2014 dan 2015 pula, peruntukan masing-masing sebanyak RM43 juta dan RM40.5 juta telah disediakan bagi kawasan-kawasan Parlimen di negeri Sarawak.

Pengurusan dan penggunaan peruntukan bagi setiap kawasan Parlimen ini adalah diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak mengikut senarai keutamaan dan tahap keperluan untuk dilaksanakan dari semasa ke semasa. Peruntukan Parlimen yang disediakan adalah bagi membiayai program-program sosial kemasyarakatan, bantuan kebajikan dan kecemasan, peralatan dan kelengkapan, keagamaan serta melaksanakan projek-projek pembangunan kecil iaitu membina, membaik pulih dan menyelenggara infrastruktur untuk kemudahan masyarakat.

Sekian. Terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : TUAN JULIAN TAN KOK PING
DARIPADA [STAMPIN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jenis mahupun jumlah bantuan kepada sekolah mubaligh di Sarawak. Senaraikan mengikut sekolah serta bahagian kawasan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi tahun 2012 sehingga 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengagihkan peruntukan pembangunan sebanyak **RM69,108,986.85** kepada **127** sekolah Mubaligh di seluruh negeri Sarawak. Pecahan agihan peruntukan mengikut daerah adalah seperti berikut:

1. Daerah Kuching (RM9,093,725.56)
2. Daerah Bau (RM2,739,010.13)
3. Daerah Padawan (RM14,559,998.34)
4. Daerah Lundu (RM425,418.00)
5. Daerah Sri Aman (RM4,704,865.00)
6. Daerah Sibu (RM4,881,961.50)
7. Daerah Selangau (RM1,329,750.00)
8. Daerah Kanowit (RM597,875.00)
9. Daerah Miri (RM1,638,310.00)
10. Daerah Baram (RM791,347.00)
11. Daerah Limbang (RM793,347.00)

12. Daerah Sarikei (RM2,187,246.50)
13. Daerah Julau (RM489,875.00)
14. Daerah Meradong (RM622,553.00)
15. Daerah Kapit (RM4,885,375.00)
16. Daerah Song (RM644,875.00)
17. Daerah Samarahan (RM1,010,836.00)
18. Daerah Serian (RM6,644,373.82)
19. Daerah Bintulu (RM473,400.00)
20. Daerah Mukah (RM1,367,750.00)
21. Daerah Dalat (RM2,665,475.00)
22. Daerah Betong (RM4,813,159.00)
23. Daerah Saratok (RM1,748,461.00)

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN JULIAN TAN KOK PING
DARIPADA [STAMPIN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jenis mahupun jumlah bantuan kepada sekolah Chung Hua di Sarawak. Senaraikan mengikut sekolah serta bahagian kawasan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi tahun 2012 sehingga 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengagihkan peruntukan pembangunan sebanyak **RM 32,525,465.93** kepada **187** sekolah Chung Hua di seluruh negeri Sarawak.